

14 kaki ponteng sekolah dicekup

REMAU - Seramai 14 pelajar 'kaki ponteng' yang melepak di kawasan rekreasi berhampiran Kampung Bintongan di sini terkejut apabila sekumpulan polis menyerbu tempat lepak itu dan menahan kesemua pelajar terbabit.

Ketua Polis Daerah Rembau, Deputy Suprintendan Mizan Md. Dom berkata, serbuan pukul 11.52 pagi itu dibuat selepas polis menerima maklumat awam mengenai kegiatan ponteng sekolah.

"Sebaik sepasukan polis sam-

pai di situ, kesemua pelajar itu cuba melarikan diri tetapi nasib mereka malang kerana kawasan itu telah dikepung," kata beliau.

Menurutnya, pihak polis menahan kesemua pelajar tingkatan empat seramai 14 orang dari sebuah sekolah dekat Chembong di sini.

Kata beliau, bersama-sama pelajar itu, polis merampas tujuh buah motosikal yang dipercayai milik para pelajar terbabit.

"Hasil siasatan tiga buah motosikal didapati tiada cukai jalan dan kesemua pelajar itu tidak mempunyai lesen memandu," katanya di sini semalam.

Mizan memberitahu, polis sedang menjalankan siasatan lanjut bagi mengetahui sama ada motosikal yang dirampas itu merupakan motosikal curi.


"Serbuan dibuat susulan maklumat orang ramai berhubung kegiatan mencurigakan sekumpulan pelajar berpakaian seragam sekolah di kawa-

san berkenaan.

"Kesemua pelajar dan motosikal yang rampas dibawa ke Balai Polis Rembau," ujarnya.

Menurut beliau, polis telah memaklumkan mengenai penahanan 14 pelajar terbabit kepada pihak sekolah dan ibu bapa mereka bagi urusan membebaskan pelajar terbabit.

Tambahnya, ibu bapa para pelajar itu juga diminta hadir ke Balai Polis Rembau untuk menuntut motosikal anak masing-masing.



SEBAHAGIAN pelajar menolak motosikal masing-masing untuk ke balai polis selepas ditahan di kawasan rekreasi Kampung Bintongan, Seremban semalam.